

Mesej Tujuh

Mengenali Kenaikan ke Syurga

Bacaan Bible: Kis. 2:36; Ibr. 2:9; 4:14-15; 7:26; 12:2; Ef. 1:19-23; 2:6

- I. **Kenaikan Manusia-Penyelamat ke syurga merupakan penobatan-Nya ke dalam jawatan syurgawi-Nya selepas melalui proses penciptaan, inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, dan kebangkitan, sebagai Tuhan dan manusia, sebagai Pencipta dan makhluk ciptaan, dan sebagai Penebus, Penyelamat, dan Roh beri-hayat, untuk melaksanakan pentadbiran Tuhan dan menyempurnakan ekonomi Wasiat Baru Tuhan.**
- II. **Kita perlu melihat aspek objektif bagi kenaikan Tuan ke syurga:**
 - A. Kenaikan Tuan ke syurga menyebabkan Dia dimahkotai kemuliaan dan kehormatan—Ibr. 2:9:
 1. Kemuliaan ialah kegemilangan yang berkaitan dengan persona Yesus; kehormatan ialah keberhargaan yang berkaitan dengan nilai Yesus—1 Ptr. 2:7.
 2. Kristus adalah mulia dalam keadaan dan terhormat dalam pangkat; Dia berada di atas semua raja dan pemerintah; inilah kehormatan-Nya.
 - B. Kenaikan Tuan ke syurga menyebabkan Dia ditabalkan untuk pentadbiran Tuhan; Ibrani 12:2 mengatakan bahawa Kristus kini didudukkan di sebelah kanan takhta Tuhan:
 1. Tuhan dalam Kristus duduk di atas takhta bererti bahawa Tuhan mentadbir seluruh alam semesta dari dalam Kristus dan menerusi Kristus, sebagaimana cahaya bersinar dari dalam pelita dan menerusi pelita—Wahi 22:1, 3; bd. 21:23.
 2. Kristus kini berada di atas takhta untuk mentadbir seluruh alam semesta; Dia ialah satu-satunya Pentadbir, Raja segala raja dan Tuan segala tuan; Dia ialah Pemerintah kepada raja-raja di bumi—1:5; 17:14; 19:16.
 3. Pentadbiran-Nya berkaitan dengan alam semesta, namun kerja Dia melaksanakan ekonomi Wasiat Baru Tuhan adalah untuk menyebarkan diri-Nya demi reproduksi-Nya untuk membina gereja, Tubuh-Nya, yang akan menghasilkan Yerusalem Baru—bd. Kis. 5:31.
 - C. “Hendaklah seluruh kaum Israel mengetahui secara pasti bahawa Tuhan telah menjadikan-Nya Tuan dan Kristus, Yesus ini yang telah kamu salibkan” (2:36); dalam ayat ini, perkataan *menjadikan* boleh difahami untuk bererti “menobatkan”; dalam kenaikan-Nya ke syurga, Tuhan menobatkan Kristus ke dalam ministri-Nya di syurga:
 1. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Manusia-Penyelamat telah dijadikan Tuan untuk memiliki segala; Dia kini ialah Tuan untuk memiliki seluruh alam semesta, umat pilihan Tuhan, dan segala hal, perkara, dan orang yang positif.
 2. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Manusia-Penyelamat telah dijadikan Kristus sebagai Yang Diurapi Tuhan (Ibr. 1:9) untuk melaksanakan amanat Tuhan.
 - D. Kita kini adalah satu dengan Kristus dalam kebangkitan dan kenaikan-Nya ke syurga (Ef. 2:6); hasilnya, kita memiliki hayat dan kudrat dalam kebangkitan dan juga autoriti dalam kenaikan-Nya ke syurga; apabila kita menghubungi Tuan kita, kita perlu mempunyai kesedaran tentang apanya Dia, kesedaran tentang status-Nya, kedudukan-Nya, dan jawatan-Nya.
- III. **Kita perlu melihat aspek subjektif bagi kenaikan Tuan ke syurga—bd. Mzm. 91:1; Kid. 4:7-8; 6:10:**
 - A. Kristus dalam kenaikan-Nya ke syurga yang serba melangkau telah melangkau Hades (tempat tahanan orang mati), bumi (tempat manusia yang jatuh bergerak

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Tujuh (sambungan)

menentang Tuhan), udara (tempat Syaitan dan kuasa kegelapannya bertindak menentang Tuhan), dan segala syurga (tempat Syaitan boleh pergi—Ef. 1:20-21; 4:8-10; Ibr. 7:26; Ayub 1:6-12a; 2:1-6).

- B. Dalam kenaikan Kristus ke syurga, Dia melintasi syurga-syurga (Ibr. 4:14) agar kini Dia bukan sahaja berada di syurga (9:24) tetapi juga lebih tinggi daripada syurga-syurga (7:26), jauh mengatasi segala syurga (Ef. 4:10).
- C. Efesus 1:19-23 mewahikan bahawa terdapat suatu transmisi yang berlangsung daripada Kristus yang naik ke syurga kepada kita; ayat 22 mengatakan bahawa Tuhan telah memberi Kristus “menjadi Kepala atas segala sesuatu kepada gereja”; frasa *kepada gereja* menunjukkan suatu transmisi daripada Kristus yang naik ke syurga kepada gereja, yakni Tubuh-Nya:
 - 1. Tuhan telah memberi kepada Kristus yang naik ke syurga satu berian yang agung—kekepalaan atas segala sesuatu; apa yang diberi oleh Tuhan kepada Kristus adalah kepada gereja; semua ini ditransmisikan kepada gereja, dan gereja berbahagian dalamnya.
 - 2. Ayat 20 hingga 22 menunjukkan bahawa Tuhan menyebabkan kudrat-Nya beroperasi dalam Kristus melalui empat langkah: Pertama, membangkitkan-Nya daripada yang mati; kedua, membolehkan Dia duduk di sebelah kanan Tuhan dalam kesyurgaan; ketiga, menundukkan segala sesuatu di bawah kaki-Nya; dan keempat, memberi-Nya menjadi Kepala atas segala sesuatu kepada gereja.
- D. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Kristus telah dijadikan Kepala kepada gereja, yakni Tubuh-Nya, untuk mengekspresikan Tuhan dalam kepenuhan-Nya—Kol. 1:18; Ef. 1:23; 3:19:
 - 1. Kepala dan Tubuh adalah satu dan membentuk satu manusia universal; berkenaan perkara divin ini, tidak terdapatnya unsur ruang dan masa; Tubuh adalah satu dengan Kepala dalam hayat divin dan dalam Roh divin.
 - 2. Menurut sudut pandangan divin, kita adalah satu dengan Kristus yang naik ke syurga, dan kenaikan-Nya ke syurga juga kenaikan kita ke syurga (2:6); dalam kenaikan-Nya ke syurga, kita mengekspresikan Dia dalam kepenuhan-Nya; memandangkan Kristus yang melangkau ialah perjasadan Tuhan Tritunggal (Kol. 2:9), transmisi-Nya yang melangkau merangkumi semua pendispenan kaya Tuhan Tritunggal untuk menjadikan kita kepenuhan Kristus demi ekspresi-Nya (Ef. 1:22-23; 3:19, 8).
- E. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Kristus juga dijadikan Hentar Agung di syurga-syurga untuk memikul kita dalam hadirat Tuhan dan menjaga segala keperluan kita; dalam kenaikan-Nya ke syurga, Dia dinobatkan untuk memegang jawatan kehentaran-Nya—Ibr. 2:17-18; 4:14-15; Mzm. 110:1-4; Ibr. 5:6; 7:26:
 - 1. Dari satu segi, Kristus ialah Hentar Agung yang berdoa-pinta di syurga-syurga untuk gereja-gereja (ay. 25-26; Roma 8:34); dari segi lain, Dia ialah Hentar Agung yang bergerak dalam gereja-gereja untuk menjaga mereka; dalam Wahi 1:13 Kristus digambarkan sebagai Hentar Agung, yang ditunjukkan melalui pakaian-Nya, pakaian yang sampai ke kaki, iaitu jubah hentar (Kel. 28:33-35).
 - 2. Dalam Wahi 8, Kristus diwahikan sebagai Hentar yang mempersembahkan ukupan di mazbah emas: “Malaikat yang satu lagi datang berdiri di sebelah mazbah, dengan mempunyai perukupan emas, dan banyak ukupan diberikan kepada-Nya untuk dipersembahkan bersama dengan doa semua pekudus di atas mazbah emas yang berada di hadapan takhta” (ay. 3).

IV. Kita perlu melihat bahawa kita berada dalam kenaikan Tuan ke syurga—Ef. 2:6:

MENGENALI KENAIKAN KE SYURGA

Mesej Tujuh (sambungan)

- A. Seluruh zaman kurnia ialah masa kenaikan Tuan ke syurga—1:20.
- B. Kristus bukan sahaja naik ke syurga tetapi juga berada dalam kita—Kol. 1:27.
- C. Kristus masih bergerak dalam kenaikan-Nya ke syurga; Dia sedang hidup, tinggal, huni, meminister, melayan, bekerja, dan bertindak dalam kenaikan-Nya ke syurga:
 - 1. Dia berada dalam kenaikan-Nya ke syurga di dalam kita; inilah sebabnya Paulus memberitahu kita bahawa kita didudukkan bersama dengan Kristus dalam kenaikan-Nya ke syurga—Ef. 2:6.
 - 2. Dalam seluruh diri kita, terdapat satu persona yang luar biasa—Kristus yang naik ke syurga—Kol. 1:27; Ef. 2:6.
 - 3. Tuan hari ini berada dalam roh kita dalam kenaikan-Nya ke syurga—2 Tim. 4:22a.
 - 4. Dalam kenaikan-Nya ke syurga ini, Tuhan Tritunggal bergerak dalam kita, dan pergerakan ini menjadi sejarah kita.
 - 5. Kristus ialah perjasadan Tuhan Tritunggal, dan kita ialah sebahagian daripada perjasadan ini dalam kenaikan-Nya ke syurga—Roma 8:10; 2 Kor. 13:5; Gal. 2:20; 4:19; Kol. 2:9.
 - 6. Setiap kali kita dihimpunkan ke dalam nama-Nya, Kristus ada di situ bersama dengan semua anggota-Nya dalam kenaikan ke syurga, dan ini merupakan pergerakan Tuhan dalam manusia—Mat. 18:20; Kol. 3:1, 3-4; Ef. 1:20; 2:6.